

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 29 September 2020 8:41 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Cyntok Bhatik – Dari Universiti Kepada Komuniti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 SEPTEMBER 2020 / 11 SAFAR 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

CYNTOK BHATIK – DARI UNIVERSITI KEPADA KOMUNITI



UUM ONLINE: Padang Terap - Pengenalan motif batik Sintok atau 'Cyntok Bhatik' oleh penyelidik Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) telah membuka ruang dan peluang kepada usahawan tempatan dari Kampung Lebai Saman Creative Village untuk membantu penduduk setempat di situ mendapatkan pekerjaan.

Kesempatan melihat usaha penduduk kampung tersebut telah disaksikan sendiri Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani yang berkunjung ke Pusat Komuniti Kampung Lebai Saman Creative Village di Naka, baru-baru ini.

Naib Canselor berkata, beliau gembira melihat perkembangan tersebut yang mana projek *Cyntok Bhatik* telah membantu masyarakat di situ khususnya daerah Padang Terap menerusi Pusat Komuniti yang dimiliki Liyana Batique Collection untuk meningkatkan taraf hidup mereka dengan adanya peluang pekerjaan disediakan.

“Program Satu Pusat Pengajian Satu Daerah (1PP1D) yang diilhamkan juga telah mula menunjukkan hasil dengan adanya perkembangan positif menerusi projek *Cyntok Bhatik* ini.

“Program 1PP1D ini adalah untuk memastikan kewujudan UUM yang mempunyai ramai tenaga pakar dalam pelbagai bidang dapat memberi manfaat kepada penduduk di Kedah terutamanya dalam meningkatkan kemahiran, seterusnya membantu menjana pendapatan tambahan kepada rakyat di negeri ini,” katanya yang turut berpendapat bahawa penempatan pelajar praktikum dari SCIMPA di Pusat Komuniti itu boleh membantu dari aspek pemasaran secara dalam talian dan juga pengurusan operasi syarikat.

Tambah beliau, memandangkan ini adalah hasil penyelidikan UUM yang berjaya dikomersilkan, beliau berharap semua ketua PTJ dan warga UUM dapat menyokong dan membeli produk *Cyntok Bhatik* itu.

Malah, Naib Canselor juga berharap SCIMPA dapat menganjurkan sesi penerangan dan promosi kepada seluruh warga UUM dalam masa terdekat.

Pusat Komuniti yang dimiliki oleh Liyana Batique Collection itu merupakan salah satu syarikat yang telah membeli beberapa motif *Cyntok Bhatik* hasil penyelidikan yang dijalankan penyelidik di SCIMPA.

Pusat Komuniti itu juga terdapat bengkel jahitan yang menempatkan beberapa mesin jahit dan ruangan jualan, bengkel mencanting batik dan dewan terbuka untuk kegunaan memberi latihan kepada penduduk kampung serta menghasilkan produk-produk untuk dikomersilkan.

Sementara itu, Dekan SCIMPA, Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin berkata, Liyana Batique Collection merupakan salah satu syarikat yang telah membeli beberapa motif *Cyntok Bhatik* sebagai usaha untuk membantu penduduk setempat mendapatkan peluang pekerjaan dengan menghasilkan pelbagai produk menggunakan motif *Cyntok Bhatik* itu.

Menurutnya, motif-motif yang dihasilkan adalah berasaskan flora yang terdapat di bumi Sintok sebagai motif utama untuk dipadankan dengan pelbagai produk seperti baju batik, kain batik, baju Kedah, t-shirt, beg, tudung dan pelbagai lagi.

Manakala pemilik Pusat Komuniti Kampung Lebai Saman Creative Village, Puan Ros berkata, usaha ini adalah untuk memenuhi impiannya untuk kembali ke Kampung Lebai Saman dan berbakti semula kepada kampung halaman tempat kelahirannya.

“Saya berterima kasih kerana usaha ini mendapat sokongan padu Ahli Parlimen Padang Terap, Dato' Seri Mahdzir Khalid dan UUM, malah saya yakin kerjasama dengan pelbagai pihak ini akan membuahkan hasil dan memanfaatkan Kampung Lebai Saman,” katanya.

Liyana Batique Collection akan mengadakan jerayawara (roadshow) di UUM selama dua hari bermula semalam di Foyer Canselori dan Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah mulai jam 9 pagi hingga 5 petang.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.